

<b>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>Hong Leong Assurance Berhad</b>
<b>Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil HLA Stackable. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b>	<b>HLA Stackable</b>
	<b>&lt;&lt;CommDate&gt;&gt;</b>

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

### 1. Apakah produk ini?

- Ini merupakan pelan berjangka tanpa penyertaan yang diperbaharui setiap tahun. Pelan ini membayar faedah apabila berlakunya kematian Hayat Diinsuranskan.
- Pembaharuan automatik untuk Pelan Asas
  1. Apabila akhirnya Tahun Polisi, Polisi Asas ini akan diperbaharui secara automatik setiap tahun berikutnya tanpa bukti yang boleh diinsuranskan tertakluk kepada berikut
    - Umur tercapai apabila pembaharuan tidak melebihi 60 tahun, dan
    - Produk ini masih ditawarkan oleh Syarikat pada masa pembaharuan.
  2. Jumlah Amaun Relevan yang Perlu Dibayar (seperti Premium dan sebarang cukai yang dikenakan) akan terus dikenakan tertakluk pada kadar semasa apabila pembaharuan.
  3. Pemunya Polisi adalah diperlukan untuk memberitahu Syarikat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum akhir tempoh permulaan pelan ini jika dia tidak mahu membaharui pelannya selama 1 tahun lagi.
- Tempoh Bayaran Premium bagi pelan ini adalah 1 tahun.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

#### Pelan Asas

Jumlah Asas Diinsuranskan untuk pelan ini adalah RM <<Basic Sum Assured>> dan tempoh perlindungan ialah 1 tahun atau apabila polisi ditamatkan, yang mana berlaku dahulu.

#### Faedah Kematian

Jika Hayat Diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh diinsuranskan, RM <<100% of Basic Sum Assured>> akan dibayar secara sekali gus.

Pelan ini akan ditamatkan setelah penyelesaian Faedah Kematian.

#### Rider yang Dilampirkan <<show only when rider is attached>>

Rider	Jumlah Diinsuranskan / Faedah	Tempoh Perlindungan	Hayat-hayat yang Diinsuranskan	Huraian Faedah
<<attaching rider(s)' benefit, to reflect all attaching rider>>				

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Pelan	Jenis	Mod Premium	Premium Perlu Dibayar (RM)
<<Product Name>>	Pelan Asas	Tahunan	
<<Rider>>	Rider	Tahunan	
<b>Jumlah Premium</b>			

Tempoh Premium:

Pelan	Hayat-hayat yang Diinsuranskan	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan ke-1 pada awal tahun polisi	Tempoh Bayaran Premium
<<Product Name>>	Hayat Diinsuranskan	Sehingga Umur << entry age>>	1
<<Rider>>	Hayat Diinsuranskan	Sehingga Umur << entry age>>	1

Premium adalah terjamin sepanjang tempoh bayaran premium. Premium pembaharuan ditentukan berdasarkan umur tercapai Hayat Diinsuranskan pada kadar semasa pada tarikh pembaharuan. Kadar premium akan meningkat apabila anda semakin tua. Kadar semasa akan ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.

Nota:

- Adalah penting anda menerima dan menyimpan resit pembayaran anda sebagai bukti pembayaran premium.
- Rider adalah opsyenal dan boleh memberikan perlindungan tambahan atau meningkatkan faedah sedia ada yang akan dibayar di bawah pelan asas anda.
- Apabila akhirnya Tahun Rider, Rider akan diperbaharui secara automatik setiap tahun berikutnya tanpa bukti yang boleh diinsuranskan tertakluk kepada berikut
  - Umur tercapai apabila pembaharuan tidak melebihi 60 tahun, dan
  - Produk ini masih ditawarkan oleh Syarikat pada masa pembaharuan.
- Premium dan sebarang cukai yang dikenakan akan terus dikenakan tertakluk pada kadar semasa apabila pembaharuan.
- Pemunya Polisi adalah diperlukan untuk memberitahu Syarikat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum akhir tempoh permulaan pelan ini jika dia tidak mahu membaharui pelannya selama 1 tahun lagi.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

16.67% premium yang dibayar akan dibayar sebagai komisen kepada Agen, Penasihat Kewangan Bebas (IFA), Broker atau rakan kongsi Bancassurance.

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh merujuk kepada Soalan 7 untuk butiran lanjut.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar Jumlah Amaun Relevan yang Perlu Dibayar di bawah pelan ini.
- Perlindungan akan berhenti pada hari selepas tarikh luput dan tanggungjawab syarikat insurans akan berhenti sejeurus selepas tarikh luput.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Anda dinasihati supaya menamakan seorang penama dan memastikan penama tersebut sedar tentang polisi yang telah anda beli.
- Sila perhatikan kesan penukaran polisi daripada satu penanggung insurans kepada yang lain, atau berpindah daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain – sebagai contoh, anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat yang baru oleh polisi baru atau penanggung insurans baru.
- Kesemua Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**A) Pelan Asas**

**Faedah Kematian**

Jika Hayat Diinsuranskan, sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penyertaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian, Polisi ini akan menjadi tidak sah dan kami akan memulangkan Jumlah Amaun Relevan yang Perlu Dibayar dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah dibayar tanpa faedah selepas menolak sebarang jumlah yang terhutang kepada kami di bawah Polisi ini.

**B) Rider yang Dilampirkan** <<show only when rider is attached>>

Rider	Hayat-hayat yang Diinsuranskan	Pengecualian
<<to reflect all attaching rider >>		

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?****A) Pelan Asas**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Hong Leong Assurance Berhad.

**Bagi Penebusan Perlindungan Tenang Voucher**

Untuk sebarang pembatalan dalam tempoh bertenang, tiada bayaran balik tunai akan diberikan. Walau bagaimanapun, anda boleh menggunakan semula Perlindungan Tenang Voucher untuk pembelian produk Perlindungan Tenang lain pada masa hadapan.

**Bagi bukan Penebusan Perlindungan Tenang Voucher**

Untuk sebarang pembatalan dalam tempoh bertenang, Syarikat hendaklah membayar balik apa-apa premium yang telah dibayar tanpa faedah ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung oleh Syarikat untuk sebarang pemeriksaan perubataan Hayat Diinsuranskan.

**B) Rider yang Dilampirkan <<show only when rider is attached>>**

Rider	Hak Pembatalan
<<to reflect all attaching rider >>	

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda (termasuk maklumat tentang penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Hayat' yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkannya daripada Khidmat Pelanggan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Level 3, Tower B, PJ City Development  
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A  
46100 Petaling Jaya, Selangor  
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya**

**Tel: 03 - 7650 1818**

**Fax: 03 - 7650 1991**

**Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)**

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk Khidmat Pelanggan kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS MEMASTIKAN POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI DAN HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <<CommDate>>.

# Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Syarikat kami menawarkan produk-produk insurans hayat melalui agensi, rakan kongsi bank kami, saluran dalam talian, dan lain-lain. Jika anda berhasrat untuk membeli produk insurans hayat melalui ejen-ejen kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan seperti yang dinyatakan.

<b>Sebelum Anda Membeli Polisi</b>	<b>Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli</b>	<b>Semasa Tempoh Polisi</b>
<p><b>Berurusan Hanya Dengan ejen-ejen yang berdaftar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Anda boleh menyemak status ejen kami melalui laman sesawang Life Insurance Association Malaysia (LIAM) di bahagian Know Your Agent.</li> <li>❖ Sila layari: <a href="https://www.liam.org.my/customer_zone/?c=15&amp;ct=2">https://www.liam.org.my/customer_zone/?c=15&amp;ct=2</a> untuk maklumat lanjut atau Handar SMS: LIAMENQ&lt;space&gt;Bahasa(E/M/C)&lt;space&gt;(A/B)&lt;space&gt;(MyKad/K P Lama/LIAM No.) and hantar to 63633. (Contoh: LIAMENQ E A 750614101234)</li> </ul> <p><b>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Meneliti kandungan boring Pencarian Fakta Pelanggan untuk lebih memahami keperluan kewangan dan selera risiko anda.</li> <li>❖ Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.</li> </ul> <p><b>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj- caj.</li> <li>Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat serta memudahkan perbandingan produk.</li> </ul>	<p><b>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam boring permohonan dengan lengkap dan tepat.</li> <li>❖ Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani boring permohonan.</li> <li>❖ Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan. Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan</li> </ul> <p><b>Mnerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi ini dikeluarkan.</li> </ul> <p>Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.</p>	<p><b>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Mengingati anda tentang pembaharuan polisi.</li> <li>❖ Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, seperti pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. Sekiranya ejen anda telah meninggalkan Syarikat, kami akan melantik ejen baru untuk anda.</li> </ul> <p><b>Membantu Anda Membuat Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Membantu mengemukakan boring tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.</li> </ul>

## Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat kami di <https://www.hla.com.my/>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada kami, sila hubungi kami di 03-7650 1288 atau e-mel kami di [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my) If you require additional information or support from our company, please give us a call at **03-7650 1288** or e-mail us at [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my).